

**Najib Naiki Pesawat Bersama Rombongan Program Integrasi 1Malaysia
Bernama
5 Januari, 2013**

KUANTAN, 5 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor menaiki pesawat bersama beberapa pemimpin komuniti yang didatangkan khas dari Sabah dan Sarawak ke Kuantan.

Pesawat Airbus A320 AirAsia itu tiba di Pangkalan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Kuantan, tengah hari ini.

Rombongan berkenaan merupakan pelaksanaan 'Program Integrasi 1Malaysia' bersama AirAsia, yang menyaksikan tawaran penerbangan percuma oleh syarikat penerbangan itu bagi laluan antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung, untuk satu tempoh tertentu.

Menurut Ketua Program Integrasi 1Malaysia bersama AirAsia, Shahril Hafizi Razali, rombongan seramai 100 orang yang didatangkan khas dari Sabah dan Sarawak itu mewakili beberapa komuniti dari negeri berkenaan yang dibawa ke semenanjung.

"Tujuan pelaksanaan itu adalah untuk membawa komuniti yang terdapat di Sabah dan Sarawak berjumpa dengan komuniti di Semenanjung.

"Sebab itu komuniti Sabah dan Sarawak yang datang program berkenaan memakai pakaian tradisional mereka, supaya dapat berkongsi dengan komuniti di Semenanjung dalam sesi suai kenal yang diatitkan," katanya.

Beliau berkata, mengikut jadual, rombongan berkenaan akan mengadakan beberapa lawatan antara ke kawasan perindustrian Automobil Pekan selain turut akan mengadakan lawatan ke kawasan Pusat Komuniti Pulau Serai di Pekan sebelum kembali semula ke ibu negara untuk lawatan seterusnya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=919599>